Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Malaysia Madani dan Salam Perak Sejahtera 2030

Bismillahirrohmanirrahim

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,
Ahli-Ahli Yang Berhormat,
Anggota-anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri,
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

MUKADIMAH

1. *Alhamdulillāh*, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pemurah, yang menghamparkan rezeki di bumi bertuah, melimpahkan rahmat dalam setiap ikhtiar, dan menitipkan hikmah pada setiap amanah. Dengan izin dan inayah-Nya jua, kita sekali lagi berhimpun di Dewan yang mulia ini bagi menunaikan suatu tanggungjawab besar, iaitu pembentangan **Belanjawan Negeri Perak 2027**.

2. Selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu segala rasul, pembawa risalah kebenaran dan penyuluh jalan keadilan. Semoga sunnah dan ajaran Baginda terus menjadi pedoman yang menerangi akal, menyantuni budi dan membimbing langkah kita dalam memikul amanah memakmurkan negeri dan mensejahterakan rakyat.

3. Pada hari yang dipohon keberkatan ini, saya bagi pihak Kerajaan Negeri dengan segala hormat dan takzim merafak sembah setinggi-tinggi ucapan tahniah ke hadapan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Paduka Seri Tuanku bagi tahun 2026.

4. Dipohonkan ke hadrat Allah SWT agar Paduka Seri Tuanku sentiasa dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, usia yang dilimpahi keberkatan dan kebijaksanaan untuk terus menyinari takhta pemerintahan. Semoga kedaulatan Baginda kekal dijunjung, hikmah Baginda terus menjadi pedoman, dan negeri yang bertuah ini sentiasa bernaung dalam keamanan serta kesejahteraan. **Dirgahayu Tuanku.**

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

5. Sesungguhnya, pemerintahan ialah amanah yang dipinjamkan; kuasa ialah tanggungjawab yang dipertaruhkan; dan setiap keputusan hari ini merupakan titipan kepada kecerahan hari muka. Kerana di sebalik setiap dasar, ada nasib insan yang dipertimbangkan; di sebalik setiap peruntukan, ada harapan rakyat yang menantikan pembelaan.

6. Menyedari hakikat tersebut Dato' Seri Yang di-Pertua, izinkan saya memetik firman Allah SWT dalam **Surah Al-Furqan, Ayat 67** yang bermaksud:

"Dan juga mereka (yang diredhai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiadalah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka adalah betul sederhana di antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

7. Ayat yang mulia ini mengandungi hikmah yang amat mendalam tentang kebijaksanaan mengurus rezeki dan amanah. Sesungguhnya, berhemat bukan bererti menahan perbelanjaan sehingga hak dan keperluan terabai; sebagaimana kemurahan dalam berbelanja tidak pula menghalalkan pembaziran. Antara kedua-duanya terletak suatu tuntutan yang besar, yakni kebijaksanaan menentukan apa yang perlu dijimatkan, apa yang wajar dibelanjakan dan apa yang mesti didahulukan demi kemaslahatan.

8. Demikianlah falsafah yang mendasari pengurusan khazanah negeri. Hasil yang dikutip menuntut kecermatan dalam mengurus, peruntukan yang diluluskan menuntut kebijaksanaan dalam mengagihkan, dan setiap ringgit yang dibelanjakan menuntut kejujuran dalam menyempurnakan amanah pentadbiran.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

9. Seterusnya, saya mohon izin untuk membawa usul seperti berikut:

Pertama:

Mengusulkan bahawa Rang Undang-Undang yang dinamakan **"Suatu Enakmen Bagi Menggunakan Sejumlah Wang Daripada Kumpulan Wang Disatukan Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun 2027 dan Bagi Memperuntukkan Wang Itu Untuk Perkhidmatan Bagi Tahun Itu"** dibacakan bagi kali kedua.

Kedua:

Mengusulkan butir-butir dalam penyata yang dibentangkan sebagai **Kertas Dewan Bilangan 25/2026** adalah dengan ini diumumkan menjadi tujuan yang mana Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 itu boleh digunakan. Bahawa perbelanjaan sejumlah wang **RM593.0 juta** yang ditunjukkan dalam penyata tersebut adalah dengan ini diluluskan bagi tahun 2027. Seterusnya jumlah wang yang ditunjukkan berhadapan dengan tiap-tiap butir dalam penyata itu, adalah dengan ini diperuntukkan bagi maksud-maksud yang ditetapkan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

SENARIO EKONOMI NEGERI

10. Sebagaimana yang telah kita ketahui, prestasi ekonomi Perak menunjukkan perkembangan yang positif. Pada tahun 2025, ekonomi negeri berkembang sebanyak **5.7 peratus**, dengan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) mencecah **RM91.5 bilion**, manakala KDNK per kapita meningkat kepada **RM41,978** berbanding **RM39,057** pada tahun sebelumnya.

11. Lebih memberangsangkan, sektor pembuatan mencatatkan lonjakan pertumbuhan sebanyak **15.2 peratus**, sekali gus menyumbang **21.1 peratus** kepada keseluruhan KDNK negeri. Prestasi ini memperlihatkan semakin kukuhnya sektor pembuatan sebagai antara tunjang utama yang menggerakkan pertumbuhan ekonomi Perak.

12. Perkembangan ini turut didorong oleh industri automotif di Tanjong Malim, khususnya subsektor peralatan pengangkutan yang melonjak **162.9 peratus**, di samping industri pemprosesan makanan serta elektrik dan elektronik.

13. Dilaporkan juga, kadar pengangguran menurun daripada **4.8 peratus pada tahun 2021 kepada 3.5 peratus pada tahun 2025**, manakala jumlah penduduk bekerja mencecah **1.2 juta orang** pada suku kedua 2026.

14. Kekosongan jawatan pula meningkat **40.7 peratus** kepada **71,815 jawatan** pada tahun 2025, berbanding penyusutan **6.4 peratus** di peringkat nasional.

15. Perkembangan ini menunjukkan pertambahan peluang pekerjaan, khususnya kepada anak muda dan tenaga kerja berkemahiran.

16. Sementara itu, sehingga Jun 2026, Perak merekodkan **RM3.817 bilion pelaburan diluluskan** melibatkan **181 projek**, dengan potensi mewujudkan **4,441 peluang pekerjaan**. Pelaburan asing pula meningkat sebanyak **66.5 peratus**, manakala sektor pembuatan menyumbang **55.4 peratus** daripada keseluruhan nilai pelaburan diluluskan dan **94 peratus** daripada peluang pekerjaan berpotensi.

17. Pertumbuhan yang lebih rancak, industri yang semakin berdaya saing, peluang pekerjaan yang bertambah dan keyakinan pelabur yang terus diperkukuh menjadi bekalan penting untuk kita melangkah ke tahun 2027 dengan lebih yakin, sambil memastikan kemajuan ekonomi terus diterjemahkan kepada peningkatan pendapatan dan kesejahteraan rakyat.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

PRESTASI BELANJAWAN NEGERI 2026

18. Pengurusan kewangan negeri sentiasa berpaksikan prinsip berhemat, berdisiplin dan bertanggungjawab. Pengalaman berdepan ketidaktentuan ekonomi antara tahun 2019 hingga 2021, termasuk ketika Perak mencatatkan **defisit RM78 juta pada tahun 2020 dan RM6.59 juta pada tahun 2021**, telah memberi teladan bermakna dalam kita mengurus hasil dan menentukan keutamaan perbelanjaan.

19. Alhamdulillah, pendekatan ini terus kita pertahankan sehingga Perak berjaya mencatatkan lebihan kewangan atau *surplus* empat tahun berturut-turut, iaitu **RM29.6 juta pada tahun 2022, RM62.4 juta pada 2023, RM45.6 juta pada 2024 dan RM87.92 juta pada 2025**.

20. Angka-angka ini sebenarnya memberi pengajaran besar bahawa: keteguhan kewangan tidak mengalir daripada limpahan hasil semata-mata, tetapi daripada kebijaksanaan mengurus ketika berdepan kekangan, serta keberanian mendisiplinkan perbelanjaan demi kepentingan masa hadapan.

21. Dan itulah yang kita lakukan ketika berhadapan ketidaktentuan ekonomi global yang menyaksikan peningkatan mendadak kos operasi, khususnya bahan api pada awal tahun ini.

22. Melalui surat arahan bertarikh **1 April 2026**, Kerajaan Negeri mengambil langkah memperkukuh kawalan perbelanjaan serta menyusun semula keutamaan jabatan.

23. Namun, dalam melaksanakan penjimatan, kita tidak melupakan tanggungjawab hakiki kepada rakyat. Sebahagian peruntukan pembangunan dijajarkan semula bagi memperluas pelaksanaan **Pasar Sejahtera Rakyat Perak**, kerana ketika kerajaan menghitung setiap ringgit perbelanjaan, rakyat juga sedang menghitung setiap ringgit untuk meneruskan kehidupan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

24. Belanjawan Negeri 2026 dirangka dengan unjuran defisit **RM95.5 juta**. Namun, dengan disiplin pengurusan kewangan yang telah dibina, Kerajaan Negeri terus berusaha memastikan akaun tahun ini sekali lagi dapat ditutup dengan lebihan.

25. Keyakinan ini disandarkan kepada prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan. Seawal **29 September 2026**, kutipan hasil negeri telah mencecah **RM1.006 bilion**. *Alhamdulillah*, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, sukacita saya mengumumkan bahawa sehingga **23 November 2026**, kutipan hasil negeri telah meningkat kepada **RM1.244 bilion**.

26. Insya-Allah, dengan momentum kutipan hasil yang terus diperkukuh dan perbelanjaan yang dikawal secara berhemat, Kerajaan Negeri menjangkakan Perak sekali lagi mencatatkan lebihan kewangan pada penghujung tahun 2026, sekali gus melengkapkan **pencapaian *surplus* lima tahun berturut-turut.**

27. Untuk itu, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Kewangan Negeri, Jabatan Perhutanan Negeri Perak serta seluruh jabatan dan agensi yang telah bekerja dengan penuh komitmen untuk memperkukuh kedudukan kewangan negeri.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

BELANJAWAN NEGERI PERAK 2027

28. Berpaksikan iltizam untuk memperkukuh kemakmuran negeri dan memperluas kesejahteraan rakyat, Belanjawan Negeri Perak 2027 dirangka sebagai kesinambungan kepada agenda pembangunan di bawah Pelan Perak Sejahtera 2030. Setelah menimbang keperluan semasa dan tuntutan pembangunan masa hadapan, Kerajaan Negeri mencadangkan **belanjawan berjumlah RM1.693 bilion - tertinggi pernah dirangka dalam sejarah Negeri Perak.**

29. Bagi mendukung perancangan tersebut, Kerajaan Negeri mengunjurkan **Hasil dan Terimaan Pembangunan sebanyak RM1.565 bilion**, meningkat RM47 juta berbanding tahun 2026. Jumlah ini merangkumi Hasil Cukai sebanyak RM719 juta, Hasil Bukan Cukai RM554 juta, Terimaan Bukan Hasil RM250 juta serta Terimaan Pembangunan RM42 juta.

30. Daripada keseluruhan perbelanjaan yang dicadangkan, sebanyak **RM1.1 bilion diperuntukkan bagi Belanja Mengurus**, manakala **RM593 juta disediakan bagi Belanja Pembangunan**. Peruntukan pembangunan ini meningkat RM25 juta atau 4.4 peratus berbanding tahun sebelumnya, juga **jumlah tertinggi dalam sejarah belanjawan negeri**.

31. Peningkatan ini membawa makna yang besar. Ia menyediakan ruang yang lebih luas untuk meneruskan projek infrastruktur, memperkukuh kemudahan awam, merancakkan kegiatan ekonomi serta menyempurnakan pelbagai ikhtiar pembangunan yang menjadi keutamaan rakyat.

32. Sementara itu, peruntukan Belanja Mengurus merangkumi Emolumen sebanyak RM508.2 juta, Perkhidmatan dan Bekalan RM393.7 juta, Pembelian Aset RM12.3 juta, Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap RM179.1 juta serta Lain-lain Perbelanjaan RM6.6 juta.

33. Peningkatan peruntukan ini turut mengambil kira kenaikan gaji tahunan penjawat awam, implikasi terhadap tuntutan Elaun Lebih Masa serta pertambahan jawatan baharu di Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

34. Berdasarkan unjuran hasil dan perbelanjaan tersebut, Belanjawan Negeri 2027 dirangka dengan **unjuran defisit sebanyak RM128 juta**, mengambil kira keperluan membiayai agenda pembangunan serta meneruskan pelbagai program yang dirancang demi kesejahteraan rakyat.

35. Namun, pengalaman beberapa tahun kebelakangan ini membuktikan bahawa **unjuran defisit tidak semestinya mencerminkan kedudukan kewangan sebenar pada penghujung tahun**.

36. Kecekapan mengutip hasil, kebijaksanaan menentukan keutamaan dan ketegasan mengawal perbelanjaan akan terus menjadi asas pengurusan fiskal negeri.

37. Berpegang pada prinsip tersebut, setiap peruntukan mesti mempunyai tujuan yang jelas. **Kerana disiplin fiskal bukan bererti mengehadkan pembangunan, tetapi memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan memberikan pulangan yang bermakna kepada rakyat.**

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

TEMA DAN LIMA FOKUS BELANJAWAN 2027

38. Kemakmuran sesebuah negeri menemukan maknanya apabila hasil pembangunan dapat dinikmati oleh rakyat; apabila peluang kehidupan semakin terbuka; dan apabila setiap keluarga mempunyai keyakinan bahawa hari esok menjanjikan keadaan yang lebih baik daripada hari ini.

39. Berpaksikan falsafah tersebut, serta seiring dengan hala tuju Pelan Perak Sejahtera 2030, Belanjawan Negeri Perak 2027 mengangkat tema: **"PERAK MAKMUR, RAKYAT SEJAHTERA: HASIL DIRASA, KEYAKINAN DIBINA."**

40. Tema ini membawa tekad Kerajaan Negeri untuk memastikan kemajuan yang diraih terus diterjemahkan kepada manfaat yang nyata, sementara setiap ikhtiar pembangunan menjadi asas kepada keyakinan rakyat terhadap masa depan negeri.

41. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Belanjawan 2027 digerakkan melalui **LIMA** (5) fokus utama, iaitu:

    Pertama: Kesejahteraan Rakyat;
    Kedua: Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri;
    Ketiga: Pembangunan Modal Insan dan Belia;
    Keempat: Kelestarian Alam Sekitar; dan
    Kelima: Keterjaminan Bekalan Makanan.

42. Kelima-lima fokus ini menjadi pedoman dalam menentukan keutamaan perbelanjaan negeri, memperkukuh perkhidmatan dan kemudahan awam, mempercepat pelaksanaan pembangunan serta memperluas peluang ekonomi untuk rakyat.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

43. Dalam kita merancang pembangunan berskala besar dan membina kekuatan ekonomi negeri, Kerajaan Negeri tidak pernah mengetepikan keperluan rakyat yang berdepan tekanan kehidupan seharian.

44. Atas kesedaran inilah, Belanjawan 2027 turut menghimpunkan pelbagai bantuan dan inisiatif yang memberikan manfaat secara langsung kepada rakyat menerusi satu segmen khusus yang dinamakan **Sentuhan Perak Sejahtera**.

45. Segmen ini melengkapi lima fokus utama belanjawan, dengan menghimpunkan bantuan mencakupi pelbagai segmen masyarakat. Penyusunannya secara berkelompok juga bertujuan memudahkan rakyat mengenal pasti bantuan yang disediakan dan mendapatkan maklumat untuk mengaksesnya.

46. Saya akan terlebih dahulu memperincikan peruntukan serta inisiatif pembangunan di bawah lima fokus utama Belanjawan 2027, sebelum mengemukakan Sentuhan Perak Sejahtera yang menyentuh secara langsung kehidupan rakyat negeri ini.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

FOKUS 1: KESEJAHTERAAN RAKYAT

Memperkukuh Daya Tahan Menghadapi Banjir

47. Mutakhir ini, kita sekali lagi menyaksikan betapa ganasnya air bah tatkala meragut ketenangan hidup masyarakat. Bencana yang melanda beberapa negeri berhampiran turut menguji sebahagian rakyat Perak, termasuk di daerah Batang Padang dan Selama.

48. Dalam sekelip mata, rumah yang selama ini menjadi tempat berlindung dan berteduh terpaksa ditinggalkan, sementara harta benda yang dikumpul bertahun-tahun, ditelan banjir yang datang tanpa amaran.

49. Bagi mereka yang pernah merasai bahana banjir, setiap kali hujan lebat turun, luluhnya hati kembali bertandang. **Air bah mungkin surut dalam beberapa hari, tetapi luka kehilangan akan tetap membekas dan menghantui.**

50. Ada keluarga yang terpaksa membina semula kehidupan, sedangkan keperihan akibat musibah terdahulu pun masih belum berakhir.

51. Oleh itu, **kita mesti lebih pantas mencegah daripada memulih, lebih tekun menyelenggara daripada membaiki, dan lebih bersedia menghadapi ancaman daripada hanya mengurus kemusnahan.**

52. Dalam tempoh pelaksanaan terdahulu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan pembangunan sebanyak **RM84 juta kepada JPS**. Antara projek tersebut termasuklah:

    i) Menaik taraf sistem kawalan banjir di **Rumah Pam Kampung Masjid, Pulau Pangkor**;

    ii) **Rancangan Tebatan Banjir Sungai Bidor di Changkat Jong, Hilir Perak**;

    iii) **Projek Menaik Taraf Sistem Pengairan Luar Jelapang bagi Skim Pengairan Kota Lama Kanan dan Sayong, Kuala Kangsar;** dan

    iv) **Projek Sungai Perak Bike Trail SP1B**, yang menghubungkan Victoria Bridge dengan Jeti R&R Sungai Perak di Kuala Kangsar

53. Semuanya sudah disiapkan. Dan usaha kesiapsiagaan turut diperkukuh melalui perolehan pam bergerak dan janakuasa elektrik bagi kegunaan daerah-daerah.

54. Walaupun di atas kertas, dikhabarkan bahawa jumlah kawasan titik panas banjir berkurangan daripada **280 kawasan pada tahun 2025 kepada 275 kawasan pada tahun 2026, namun ia bukan asbab untuk kita berasa puas hati.**

55. Pengurangan lima kawasan tersebut tidak mengubah hakikat bahawa masih terdapat **275 kawasan yang terdedah kepada ancaman banjir**.

56. Justeru, usaha mengurangkan risiko banjir mesti diterjemahkan melalui tindakan yang lebih tuntas, terutama dengan mempercepat penyelesaian di kawasan yang sekian lama menanggung ancaman.

57. Antara projek yang sedang dilaksanakan ialah **Menaik Taraf Sistem Saliran Kampung Sungai Rokam di Kinta**, yang dijadualkan siap pada Ogos 2027, serta **Rancangan Tebatan Banjir Sungai Lawin Fasa 2 di Kuala Kangsar**, yang dijangka siap pada Mei 2027. Saya minta supaya kedua-dua projek ini disiapkan mengikut jadual agar penduduk tidak terus menanti penyelesaian yang tertangguh.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

58. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri menyediakan **RM116.8 juta bagi Belanja Mengurus JPS**, termasuklah:

    i) RM10 juta bagi penyelenggaraan rancangan pengairan;

ii) RM11.3 juta bagi penyelenggaraan pengurusan lembangan Sungai;
iii) RM9.2 juta bagi penyelenggaraan saliran pertanian;
iv) RM3.9 juta bagi penyelenggaraan mekanikal dan elektrikal; dan
v) RM0.9 juta bagi penyelenggaraan pengurusan sumber air dan hidrologi.

59. Sementara itu, **RM15 juta disediakan bagi Belanja Pembangunan JPS**, meningkat RM1 juta berbanding tahun sebelumnya. Ia merangkumi:

i) RM8.5 juta bagi pelbagai projek rancangan tebatan banjir, meningkat RM1.0 juta berbanding tahun 2026;
ii) RM4.0 juta bagi pengurusan sungai dan pantai;
iii) RM1.7 juta bagi saliran pertanian;
iv) RM0.2 juta bagi bangunan dan infrastruktur; dan
v) RM0.6 juta di bawah *Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation* (EFT).

60. Usaha ini turut mendapat dukungan Kerajaan Persekutuan melalui kelulusan **Projek Rancangan Tebatan Banjir Lembangan Sungai Sepetang bernilai RM94.2 juta**, iaitu antara tujuh projek keutamaan Perak di bawah *Rolling Plan* Kedua Tahun 2027, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Yang Berhormat Dato’ Seri Yang di-Pertua,

Memperkukuh Infrastruktur Dan Keterhubungan Rakyat

61. Kebelakangan ini, keadaan jalan raya yang rosak dan berlubang terus mengundang keluhan rakyat. Ada teguran yang nadanya lunak, ada juga kritikan yang nadanya keras. Namun, di sebalik nada yang berbeza, **harapan mereka tetap sama — mahu jalan yang dilalui setiap hari lebih selamat untuk keluar mencari rezeki atau menghantar anak ke sekolah**.

62. Atas kesedaran ini, usaha penyelenggaraan jalan raya terus diberikan perhatian dalam Belanjawan 2027. Kerajaan Negeri dijangka menerima **RM635.5 juta melalui Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS)** daripada Kerajaan Persekutuan, bagi menyelenggara jaringan jalan berdaftar sepanjang **28,890 kilometer,** merangkumi jalan negeri, jalan pihak berkuasa tempatan, jalan pertanian serta jalan kampung.

63. Besarnya peruntukan ini turut membawa harapan yang besar daripada rakyat. **Mereka tidak menuntut jalan yang serba sempurna, tetapi mengharapkan kerosakan yang membahayakan nyawa tidak dibiarkan berpanjangan.**

64. Selain itu, bagi tahun 2027, **Jabatan Kerja Raya (JKR) diperuntukkan sebanyak RM258.15 juta**, merangkumi **RM110.15 juta bagi Belanja Mengurus**, meningkat RM4.4 juta, serta **RM148 juta bagi Belanja Pembangunan**, bertambah RM3.5 juta berbanding tahun sebelumnya.

65. Peruntukan ini akan mendukung kerja-kerja pembinaan, penaiktarafan dan penyelenggaraan jalan raya, jambatan serta bangunan kerajaan, di samping memperkukuh kemudahan perhubungan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

66. Dalam memperluas jaringan perhubungan negeri, Kerajaan Negeri turut menghargai dukungan Kerajaan Persekutuan melalui pembiayaan pelbagai projek baharu infrastruktur, antaranya:

Pertama, **RM500 juta** bagi Projek Menaik Taraf Laluan FT069 Bagan Datuk;

Kedua, **RM150 juta** bagi Projek Membina Persimpangan Bertingkat dari FT005 ke FT069, Hutan Melintang, Bagan Datuk;

Ketiga, RM**24.8 juta** bagi Projek Membina Persimpangan Bertingkat FT001, Kinta;

Keempat, **RM19.2 juta** bagi Projek Menggantikan Jambatan FT147/22/70 Sungai Ijok, Larut, Matang dan Selama;

Kelima, **RM16.3 juta** bagi Projek Menggantikan Pembentung kepada Jambatan FT60/83/60 Sungai Limau, Jalan Changkat Jering–Manjung–Kampung Koh, Larut, Matang dan Selama;

Keenam, **RM14.4 juta** bagi Projek Menggantikan Pembentung di Seksyen 621.1, Jalan Ipoh–Butterworth, Kuala Kangsar;

Ketujuh, **RM14 juta** bagi Projek Menggantikan Pembentung FT060/020/60, Segari, Manjung; dan

Kelapan, **RM13.4 juta** bagi Projek Membina Jejantas Pejalan Kaki di Laluan Persekutuan FT193 berhampiran SMJK Katholik, Tanjong Malim.

67. Turut diluluskan ialah dua projek jambatan yang penting kepada masyarakat setempat, iaitu **RM6 juta bagi pembinaan jambatan di Kampung Nalla, Mukim Tronoh, Daerah Kinta**, serta **RM20 juta bagi pembinaan jambatan baharu merentasi Sungai Timah di Jalan Changkat Lada (A229), Daerah Perak Tengah**.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Memperkasa Wanita, Keluarga Dan Warga Emas

68. Keteguhan sesebuah keluarga sering dibina atas pengorbanan yang tidak pernah meminta balasan. Ada ibu yang mengerah kudrat mencari rezeki, namun masih menyimpan tenaga untuk mengurus keluarga.

69. Ada anak-anak yang sedang membesar, mendambakan perlindungan, kasih sayang dan peluang untuk membina masa depan. Ada pula warga emas yang dahulunya menjadi tempat anak-anak bergantung harapan, tetapi kini hidupnya memerlukan sebaik-baik pembelaan.

70. Setiap daripada mereka mempunyai kisah, keperluan dan harapan yang berbeza. Namun, semuanya berkongsi satu hak yang sama: iaitu untuk menjalani kehidupan dengan penuh maruah, mendapat perlindungan ketika diuji kesusahan, dan tidak dibiarkan bersendirian tatkala memerlukan pertolongan.

71. Untuk itu, bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM4.8 juta** kepada **Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat Negeri Perak** manakala **RM1.85 juta** diperuntukkan untuk melaksanakan program berikut:

i) **RM0.85 juta** bagi **Program Pendayaupayaan Wanita dan Kebajikan** Masyarakat;

ii) **RM0.5 juta** bagi **Program Pembangunan dan Kebajikan Kanak-kanak dan Anak Yatim**; dan

iii) **RM0.5 juta** bagi **menaik taraf Rumah Kebajikan Kanak-kanak dan Anak Yatim**.

72. Dalam memperluas peluang meningkatkan pendapatan, **RM0.2 juta** turut diperuntukkan bagi **Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat Perak Sejahtera 2030**, merangkumi geran kemahiran, latihan keusahawanan, serta pembangunan produk.

73. Sehingga September 2026, geran program ini telah menyokong kegiatan ekonomi komuniti termasuk penghasilan makanan, pastri, bakeri, kraftangan dan batik, khususnya dalam kalangan wanita, OKU, warga emas dan keluarga berpendapatan rendah.

74. Dalam memelihara kebajikan warga emas, **RM0.4 juta** diperuntukkan bagi **Program Pembangunan Warga Emas dan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)** manakala **RM0.2 juta** disediakan bagi pelbagai program Rumah Aktiviti Wanita — Halaman Suri Sejahtera (SURI).

75. Pusat Aktiviti Suri Sejahtera di Jalan Jumbo Jet, Ipoh, yang siap pada Mac 2026, kini beroperasi sebagai ruang latihan kemahiran, masakan dan keusahawanan asas, selain menyediakan sokongan kepada pesakit demensia tahap awal, khidmat kaunseling serta kegiatan kemasyarakatan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Merapatkan Jurang Pembangunan Bandar Dan Luar Bandar

76. Dalam usaha membangunkan negeri, Kerajaan Negeri sentiasa memberikan perhatian kepada keperluan masyarakat luar bandar dan pedalaman.

77. Kemajuan yang kita usahakan perlu sampai kepada penduduk kampung, masyarakat Orang Asli serta komuniti yang tinggal jauh daripada pusat bandar. Kita mahu memastikan mereka turut menikmati kemudahan asas yang baik, peluang ekonomi yang lebih luas serta persekitaran kehidupan yang selesa dan selamat.

78. Bagi meneruskan usaha tersebut, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan seperti berikut:

    i) **RM5.23 juta** bagi **Pelbagai Program dan Projek Luar Bandar**;

ii) **RM4.14 juta** diperuntukkan bagi pelaksanaan **pelbagai program serta aktiviti yang melibatkan 828 Kampung Tradisional** di seluruh Negeri Perak; dan

iii) **RM1.3 juta** bagi **Aktiviti Pembangunan Komuniti Orang Asli.**

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Memperkukuh Kesihatan Dan Kesejahteraan Komuniti

79. Kesejahteraan rakyat turut bergantung kepada tahap kesihatan dan kemampuan masyarakat menjalani kehidupan yang selamat serta produktif.

80. Walaupun penyediaan perkhidmatan hospital dan rawatan kesihatan merupakan tanggungjawab utama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri terus memainkan peranan dalam memperkukuh program kesihatan komuniti, khususnya melalui pendekatan pencegahan dan sokongan kepada golongan yang memerlukan.

81. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM0.55 juta bagi pelaksanaan pelbagai program kesihatan**, termasuk meneruskan **Program *Community Feeding* dengan peruntukan RM0.5 juta**.

82. Bagi menyokong usaha **menangani ancaman penyalahgunaan dadah**, **Kerajaan Negeri memperuntukkan RM0.2 juta** masing-masing kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) serta Kompleks PENGASIH Amanjaya, Gopeng.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Memperkukuh Syiar Islam Dan Institusi Keagamaan

83. Kita boleh membina jalan yang luas, mendirikan bangunan yang megah dan mencipta kekayaan yang melimpah ruah. Namun, segala kemajuan itu akan kehilangan makna, andai jiwa masyarakat dibiarkan gersang daripada ilmu, iman dan akhlak.

84. Kerana saya selalu percaya, negeri yang benar-benar makmur bukan sahaja memiliki kekayaan untuk diwariskan, tetapi juga mempunyai nilai dan pegangan untuk dipertahankan.

85. Atas keyakinan inilah, Kerajaan Negeri tidak pernah menjadikan syiar Islam sebagai agenda sampingan dalam membangun negeri.

86. Biarpun diuji dengan mehnah, diasak dengan tohmah, malah dituduh meminggirkan Islam, pendirian kita tidak pernah berubah. Islam sebagai agama negeri terus dipelihara martabatnya, diperkukuh institusinya dan disuburkan penghayatannya dalam kehidupan rakyat.

87. Komitmen ini diterjemahkan melalui peranan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) yang terus diperkukuh dengan sokongan peruntukan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif dakwah.

88. Daripada pengimarahan masjid dan surau, pengajian *fiqh* dan kuliah agama, hinggalah usaha mendekati generasi muda — semuanya diperkukuh agar Islam terus subur dalam penghayatan, terpancar pada akhlak dan menjadi pedoman kehidupan.

89. Maka, bagi tahun 2027, sebagai institusi utama dalam menegakkan syiar Islam, JAIPk sekali lagi diberi peruntukan tambahan, iaitu sebanyak **RM3 juta** – menjadikan keseluruhannya berjumlah **RM133.8 juta**. Peruntukan ini meliputi:

    i) **RM126.8 juta** di bawah maksud mengurus bagi tujuan operasi jabatan, Institut Tadbiran Islam Perak, pengurusan masjid, Sekolah-Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan serta Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri;

ii) Manakala bagi tujuan pembangunan, **RM7 juta** disediakan untuk penyelenggaraan enam buah masjid utama Negeri, menaiktaraf Sekolah-Sekolah Menengah Agama Negeri dan Sekolah Menengah Tahfiz Darul Ridzuan serta menaiktaraf Pejabat-Pejabat Agama Daerah.

90. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM18.2 juta diperuntukkan bagi pembayaran elaun dan caruman KWSP kepada 3,310 orang guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA)**.

91. Demikian juga komitmen jitu kita dalam memartabatkan **Jabatan Kehakiman Syariah**. Sebagai penegak hukum dan pemelihara institusi keluarga, peranan jabatan ini terus diperkasa dengan peruntukan **RM19.8 juta** iaitu **peningkatan RM0.9 juta** berbanding tahun 2026. Peruntukan ini meliputi RM18.4 juta diperuntukkan di bawah Maksud Mengurus manakala RM1.4 juta diperuntukkan di bawah Maksud Pembangunan.

92. Kerajaan Negeri turut menyediakan **RM2.7 juta di bawah Belanja Mengurus** kepada **Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Perak**, manakala **RM5.3 juta diperuntukkan** kepada **Jabatan Mufti Negeri Perak**.

93. Bagi terus memperkukuh syiar Islam, Kerajaan Negeri akan **menambah RM3 juta bagi tujuan Baik Pulih dan Bina Baharu Masjid serta Surau**, menjadikan keseluruhan peruntukan meningkat kepada **RM18 juta pada tahun 2027**. Pada masa yang sama, peruntukan **Menaik Taraf Institusi Pendidikan Islam turut ditingkatkan sebanyak RM2 juta kepada RM7 juta**.

94. Ikhtiar menyuburkan syiar Islam dan memperkukuh kesejahteraan ummah turut mendapat dukungan Majlis Agama Islam dan ‘Adat Melayu Perak (MAIPk), yang menyediakan peruntukan keseluruhan kira-kira RM254.3 juta bagi tahun 2027.

95. Peruntukan ini merangkumi usaha memperkasa ekonomi asnaf, memperluas pengagihan zakat berjumlah RM247 juta serta RM7.3 juta bagi pembangunan wakaf.

Yang Berhormat Dato’ Seri Yang Di-Pertua,

96. Jika tahun lalu, anak Perak, saudara Aiman Ridhwan bin Mohamad Ramlan, mengharumkan nama negeri apabila dinobatkan sebagai Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2025, Alhamdulillah, sinar kecemerlangan itu terus menyala pada tahun ini.

97. Kali ini, giliran saudara **Cik Hasnul Taqiuddin bin Cik Sazali** pula mengangkat nama Perak apabila dinobatkan sebagai **Naib Johan Qari Peringkat Antarabangsa 2026**, setelah terlebih dahulu meraih gelaran Johan Qari Peringkat Kebangsaan dan Negeri Perak.

98. Sebagai tanda penghargaan atas kejayaan yang membanggakan ini, Kerajaan Negeri dengan sukacitanya mengumumkan **insentif sebanyak RM10,000** kepada saudara Cik Hasnul Taqiuddin.

99. Bagi memastikan kecemerlangan ini terus diwarisi oleh generasi akan datang, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM100,000** bagi pelaksanaan **Program Qurra' Negeri Perak**, sebagai wadah untuk mengasuh, melatih dan menggilap bakat anak-anak muda secara intensif dalam bidang tilawah Al-Quran, khususnya bagi melahirkan lebih ramai qari dan qariah yang mampu mengharumkan nama Perak di persada kebangsaan dan antarabangsa.

100. Mudah-mudahan daripada program inilah kelak lahir suara-suara baharu yang mengalunkan kalam Ilahi dengan penuh keindahan, sekali gus menyambung legasi kecemerlangan Al-Quran di bumi Perak Darul Ridzuan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Memperkukuh Perpaduan Dan Peranan Masyarakat Sivil

101. Di bumi Perak yang kita cintai ini, rakyat daripada pelbagai kaum, agama dan budaya telah sekian lama hidup berjiran, mencari rezeki, membesarkan keluarga dan berkongsi suka duka mengharungi cabaran kehidupan.

102. Perbezaan tidak pernah menghalang kita daripada membina kehidupan bersama, selagi rasa hormat, persefahaman dan semangat muhibah terus dipelihara.

103. Warisan keharmonian inilah yang mesti kita pertahankan, lebih-lebih lagi ketika perbezaan pandangan dan sentimen perkauman mudah mengundang prasangka.

104. Dalam menjaga kebajikan serta keperluan masyarakat bukan Islam, Kerajaan Negeri menambah peruntukan **Hal Ehwal Bukan Islam (HEBI)** kepada **RM13 juta**, merangkumi **RM6.5 juta bagi HEBI Kaum Cina dan Kampung Baru Cina**, serta **RM6.5 juta bagi HEBI Kaum India, Kampung India dan lain-lain kaum**.

105. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri juga menyediakan **RM0.25 juta bagi pelaksanaan program pengukuhan integrasi nasional** untuk terus menyuburkan persefahaman dan hubungan antara masyarakat berbilang kaum.

106. Kerajaan Negeri juga menghargai peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang selama ini menjadi penghubung antara keperluan masyarakat dengan usaha kebajikan di lapangan. Bagi mendukung sumbangan mereka dalam bidang kebajikan, pendidikan, kesihatan, pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan komuniti, **RM1 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan program komuniti oleh NGO**.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

FOKUS 2: TADBIR URUS PROJEK BERKEPENTINGAN NEGERI

107. Sebuah negeri boleh memiliki pelan pembangunan yang hebat, menarik pelaburan berbilion ringgit dan merancang projek berskala besar. Namun, segala potensi itu tidak akan membawa makna jika pelaksanaannya tersekat di meja pentadbiran, kelulusannya berlarutan dan manfaatnya lambat sampai kepada rakyat.

108. Perak kini berada pada fasa penting pembangunan. Lima nod pertumbuhan yang digerakkan melalui pelan Perak Sejahtera 2030 sedang membuka lembaran baharu ekonomi negeri, daripada *Automotive High-Tech Valley* (AHTV) dan *Lumut Maritime Industrial City* (LuMIC), kepada *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP), *Silver Valley Technology Park* (SVTP) serta *Halal Industrial Park* (HIP).

109. Pembangunan sebesar ini menuntut pentadbiran yang tangkas dan penyelarasan yang berkesan. Urusan tanah, kelulusan pembangunan, penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan kerajaan mesti bergerak seiring dengan kepesatan ekonomi yang sedang kita bina.

110. Atas iltizam inilah, Fokus Kedua Belanjawan 2027 memberikan penekanan kepada pengukuhan tadbir urus dan kecekapan pelaksanaan projek, agar setiap peluang pembangunan diterjemahkan kepada kemajuan yang dapat dinikmati rakyat.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

111. Kecekapan pentadbiran tidak seharusnya diukur melalui banyaknya prosedur yang dipatuhi, tetapi melalui cepatnya urusan rakyat diselesaikan. Bagi rakyat yang menunggu hak milik tanah, pengusaha yang menanti kelulusan atau keluarga yang memerlukan bantuan, setiap hari yang berlalu membawa makna.

112. Justeru, bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berikut bagi memperkukuh pentadbiran tanah dan pengurusan daerah:

i) **RM25.6 juta** kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri (PTG) di bawah Belanja Mengurus;

ii) **RM161.92 juta** kepada 12 Pejabat Daerah dan Tanah di bawah Belanja Mengurus;

iii) **RM18.83 juta** di bawah Belanja Pembangunan Pejabat Daerah dan Tanah, termasuk **RM1.5 juta** bagi pelaksanaan projek mitigasi banjir di daerah besar dan daerah kecil;

iv) **RM5 juta** sebagai peruntukan ubah suai bagi memastikan Pejabat Daerah dan Tanah Kerian dapat beroperasi sepenuhnya di pejabat pada tahun 2027; dan

v) **RM0.5 juta** bagi pembinaan baharu Pejabat Penghulu Mukim Belanja serta kerja-kerja berkaitan.

113. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri akan memperkenalkan Sistem Laporan Tanah secara *offline*, membolehkan siasatan dan penyediaan laporan di lapangan diteruskan tanpa bergantung sepenuhnya kepada capaian internet.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Memperkukuh Kerajaan Tempatan, Meningkatkan Mutu Perkhidmatan

114. Rakyat tidak semestinya menilai kecekapan kerajaan melalui projek pembangunan yang besar. Bagi mereka, jalan yang selamat untuk dilalui, longkang yang tidak tersumbat, sampah yang dikutip mengikut jadual dan kemudahan awam yang diselenggara dengan baik sudah cukup untuk menggambarkan sejauh mana kerajaan memahami keperluan kehidupan seharian.

115. Justeru, ketika Perak sedang menggerakkan pembangunan industri dan nod pertumbuhan strategik, kemajuan ekonomi mesti berjalan seiring dengan peningkatan mutu perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), agar pembangunan yang pesat turut membawa keselesaan kepada masyarakat.

116. Oleh itu, bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri menyediakan **RM16.35 juta di bawah Belanja Mengurus Bahagian Kerajaan Tempatan**, dengan peruntukan khusus seperti berikut:

i) **RM4.34 juta** bagi Sumbangan Membantu Kadar dan pelaksanaan *Local Agenda*;

ii) **RM7 juta** sebagai Bantuan Mengurus kepada empat PBT, iaitu Majlis Daerah Gerik, Majlis Daerah Selama, Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan Majlis Daerah Lenggong;

iii) **RM1.5 juta** bagi Sumbangan Mengurus Bukit Larut; dan

iv) **RM0.6 juta** bagi Sumbangan Mengurus Taman Botani Taiping di bawah Majlis Perbandaran Taiping.

117. Sementara itu, **RM10.85 juta diperuntukkan bagi pembangunan dan hal ehwal kerajaan tempatan**, merangkumi:

i) **RM4.5 juta** bagi Pelbagai Projek Pembangunan PBT;

ii) **RM3.2 juta** bagi kutipan sampah di luar kawasan operasi PBT;

iii) **RM0.8 juta** bagi Inisiatif Infrastruktur Warga Emas;

iv) **RM0.5 juta** bagi penyelenggaraan dan pembaikan kemudahan PBT;

v) **RM0.2 juta** bagi pengurusan kebersihan dan keselamatan kawasan Tasik Raban;

vi) **RM0.2 juta** bagi penyelenggaraan bangunan serta keselamatan Kompleks Tasik Banding;

vii) **RM0.5 juta** bagi menaik taraf papan tanda, penunjuk arah dan mercu tanda;

viii) **RM0.2 juta** bagi Pelbagai Program Bandar Pintar;

ix) **RM0.35 juta** bagi Program Pawsitive; dan

x) **RM0.4 juta** bagi Program Komuniti Sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Pelancongan Sebagai Penggerak Ekonomi Daerah

118. Perak dianugerahkan kekayaan alam, warisan sejarah dan khazanah budaya yang menjadi tarikan pengunjung dalam dan luar negara. Daripada keindahan pulau dan tanah tinggi, hinggalah keunikan kampung tradisi serta peninggalan sejarah, setiap daerah mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

119. Alhamdulillah, berdasarkan Survei Pelancongan Domestik 2025 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Perak merekodkan 23.6 juta pelawat domestik, termasuk 10.4 juta pelancong, dengan terimaan pelancongan domestik mencecah RM8 bilion.

120. Angka ini membawa makna yang lebih besar kepada ekonomi setempat. Pertumbuhan pelancongan membuka sumber rezeki kepada pengusaha inap desa, peniaga makanan, pengusaha produk tempatan, pemandu pelancong dan ribuan keluarga yang bergantung kepada kegiatan tersebut.

121. Seiring dengan Tahun Melawat Malaysia 2026–2027, lebih **80 acara domestik dan antarabangsa** telah dianjurkan di seluruh Perak sehingga 30 September 2026. Bagi meneruskan momentum ini, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berikut pada tahun 2027:

i) **RM6.6 juta** kepada **Tourism Perak** bagi promosi pelancongan domestik dan antarabangsa, pembangunan produk, pengukuhan industri serta penganjuran acara;

ii) **RM4.4 juta** kepada **Lembaga Muzium Perak** bagi meneruskan pembangunan Muzium Diraja Kuala Kangsar serta kerja-kerja baik pulih Kompleks Sejarah Pasir Salak;

iii) **RM1.5 juta** bagi **Pelbagai Program Pelancongan dan Kebudayaan**;

iv) **RM1.0 juta** bagi **Program Pembangunan Infrastruktur Luar Bandar Kawasan Tumpuan Pelancongan**;

v) **RM1.0 juta** bagi **Projek Naik Taraf Ikon-Ikon dan Penyelenggaraan Kawasan Pelancongan**;

vi) **RM0.7 juta** bagi **Unit Pulau Bebas Cukai Pulau Pangkor**;

vii) **RM0.2 juta** bagi **Program Pesta Panjut** di Kuala Kangsar yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar; dan

viii) **RM0.15 juta** bagi **Program Durian Fest** Negeri Perak di bawah Jabatan Pertanian Negeri Perak.

122. Usaha ini turut disokong melalui penyertaan dalam pameran pelancongan, misi jualan, pemadanan perniagaan serta kerjasama dengan pemain industri bagi memperluas pasaran dan meningkatkan daya tarikan destinasi pelancongan negeri.

123. Pertumbuhan pelancongan juga membuka ruang untuk memperkukuh hasil negeri. Sehingga September 2026, kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan telah mencapai **RM5.304 juta, bersamaan 88.4 peratus daripada sasaran RM6 juta** bagi tahun tersebut.

124. Berdasarkan perkembangan ini, Kerajaan Negeri menetapkan **sasaran kutipan Caj Perkhidmatan Tempatan sebanyak RM7 juta bagi tahun 2027**, dengan memperkukuh kerjasama bersama PBT dalam pengurusan dan penguatkuasaan kutipan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Jentera Kerajaan Yang Terselaras Dan Berorientasikan Hasil

125. Jika rakyat mahukan masalah mereka diselesaikan, pelabur pula mahu urusan mereka dipermudahkan. Kedua-duanya tidak seharusnya dibebankan dengan kerenah birokrasi, kelewatan antara jabatan atau prosedur yang berulang-ulang.

126. Justeru, bagi memastikan seluruh jentera kerajaan bergerak dengan lebih tersusun dan berkesan, antara peruntukan yang disediakan bagi tahun 2027 ialah:

i) **RM10.2 juta** bagi memperkasa pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif di bawah pelan Perak Sejahtera 2030;

ii) **RM2.1 juta** bagi Program-Program Penerangan Negeri Perak;

iii) **RM8 juta** bagi operasi Lembaga Pengurusan Sumber Air Negeri Perak;

iv) **RM12 juta** bagi pengambilan tanah untuk kepentingan awam;

v) **RM0.5 juta** bagi **Akaun Amanah Kajian**;

vi) **RM4.38 juta** kepada **Bahagian Digital** bagi pelbagai pembangunan dan penyelenggaraan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT);

vii) **RM1.5 juta** bagi **pelbagai projek dan program melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**;

viii) **RM2.2 juta** kepada **Jawatankuasa-Jawatankuasa Tetap EXCO**, dengan peruntukan **RM0.2 juta bagi setiap jawatankuasa**; dan

ix) **RM0.3 juta** bagi **pelbagai program kesatuan sekerja**.

127. Peruntukan ini merangkumi keperluan penyelarasan pembangunan, pendigitalan pentadbiran serta penyampaian maklumat kerajaan kepada rakyat.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Pelaburan Strategik Dan Pengembangan Ekonomi Negeri

128. Dalam persaingan menarik pelaburan, Perak perlu menawarkan lebih daripada lokasi yang strategik dan potensi ekonomi yang besar. **Pelabur memerlukan keyakinan bahawa keputusan dapat dibuat, infrastruktur dapat disediakan dan projek yang dirancang mampu dilaksanakan mengikut ketetapan.**

129. Bagi memperkukuh usaha menarik dan merealisasikan pelaburan domestik serta antarabangsa, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM1 juta** bagi **pelbagai program luar negara**; dan

ii) **RM3.2 juta** bagi memperkukuh fungsi **Perak Investment Management Centre (Invest Perak)**.

130. Usaha ini akan terus memberikan tumpuan kepada lima nod pertumbuhan strategik negeri, iaitu AHTV, LuMIC, KIGIP, SVTP dan HIP, yang masing-masing membuka ruang pembangunan dalam industri automotif, maritim, teknologi hijau, teknologi bernilai tinggi serta industri halal.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

FOKUS 3: PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN BELIA

131. Kita sedang membina masa depan ekonomi Perak melalui pelaburan, teknologi dan pembangunan industri. Namun, segala kemajuan yang dirancang ini menuntut satu tanggungjawab besar – iaitu memastikan anak-anak Perak memiliki ilmu, kemahiran dan keupayaan untuk merebut peluang yang sedang dan bakal terbuka di negeri sendiri.

132. Kita mahu anak petani, anak nelayan, anak pekerja kilang dan anak-anak daripada keluarga yang serba sederhana turut mempunyai peluang untuk belajar, menguasai kemahiran dan membina kehidupan yang lebih baik.

133. Atas iltizam inilah, Fokus Ketiga Belanjawan 2027 memberikan keutamaan kepada pendidikan, pengajian tinggi, pembangunan kemahiran, kebolehpasaran, kepimpinan belia serta kecemerlangan sukan dan industri kreatif. Niatnya sama iaitu untuk **Memperkukuh Asas Pendidikan & Membuka Peluang Masa Depan.**

134. Alhamdulillah, pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2025 memperlihatkan perkembangan yang menggalakkan. Bilangan calon memperoleh semua A meningkat **7.5 peratus, daripada 937 orang pada 2024 kepada 1,008 orang pada 2025**, termasuk **26 calon memperoleh semua A+**.

135. Daripada 1,008 calon tersebut, **30 orang merupakan penerima Biasiswa Menteri Besar Perak**.

136. Bilangan calon yang layak menerima sijil turut meningkat daripada **25,774 orang (93.86 peratus)** kepada **26,182 orang (94.44 peratus)**, manakala Gred Purata Negeri bertambah baik daripada **4.63 kepada 4.49**.

137. Namun, kejayaan ini tidak mengurangkan tanggungjawab kita terhadap **227,643 murid daripada keluarga B40**, termasuk **53,367 murid di Kinta Utara**, bersamaan **23.44 peratus** daripada keseluruhan murid B40 yang direkodkan.

138. Kita tidak mahu kemampuan sesebuah keluarga menentukan sejauh mana seorang anak boleh melangkah dalam pendidikan.

139. Justeru, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berikut bagi tahun 2027:

i) **RM10 juta** bagi **Bantuan Khas Pendidikan Melayu/Islam**;
ii) **RM2 juta** bagi **Bantuan Perkapita Pelajar Sekolah Tahfiz dan Pondok**;
iii) **RM4.3 juta** bagi **Bantuan Perkapita Pelajar Sekolah Kerajaan**;
iv) **RM2.7 juta** bagi **Bantuan Khas Pendidikan Cina**;
v) **RM1 juta** bagi **Bantuan Khas Pendidikan India**;
vi) **RM0.4 juta** bagi **Bantuan Khas Pendidikan Orang Asli**;

vii) **RM0.6 juta** bagi **Sumbangan Pendidikan**;

viii) **RM0.25 juta** untuk **Bantuan Sekolah Pendidikan Khas;**

ix) **RM0.24 juta** bagi **Program Pemantapan Pelajar Sekolah Rendah**; dan

x) **RM0.24 juta** bagi **Program Pemantapan Pelajar SPM, STPM dan STAM**.

140. Bagi **Memperluas Akses Pengajian Tinggi Dan Ekosistem Ilmu,** Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM5 juta** kepada **Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)**;

ii) **RM3.5 juta** kepada **Institut Darul Ridzuan (IDR)**;

iii) **RM8.5 juta** kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak;

iv) **RM0.45 juta** bagi **Program Pengupayaan Mahasiswa**; dan

v) **RM0.2 juta** bagi **Program Jelajah Siswa dan Moh Ngopi Mahasiswa**.

141. Komitmen Kerajaan Negeri bagi memperkasa Kemahiran Dan Kebolehpasaran Anak Perak diteruskan melalui peruntukan **RM4.4 juta** bagi **operasi Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)** selain **RM7 juta** untuk **pelaksanaan program TVET** pada tahun 2027.

142. Melalui Agenda Koridor TVET Negeri Perak, sebanyak **114 kursus latihan kemahiran dalam 11 kluster** telah dilaksanakan dengan penyertaan **1,832 peserta.**

143. Ia termasuklah melibatkan Latihan Modular Industri, Latihan Mahir Kerja, TVET OKU dan TVET Orang Asli.

144. Daripada Latihan Modular Industri, **414 peserta** menerima tawaran pekerjaan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan, dengan **nilai janaan pendapatan RM1 juta** bagi penempatan sepanjang Januari hingga September 2026.

145. Latihan pengkhususan dalam bidang penjagaan warga emas pula memberikan manfaat kepada **139 peserta**, dengan **nilai janaan pendapatan RM0.9 juta**.

146. Usaha memperkenalkan TVET kepada generasi muda turut dipergiat melalui **tiga siri Jelajah AIM TVET Bersama Cikgu Saarani.**

147. Sehingga September 2026, jelajah ini melibatkan **5,503 murid dan belia**. Penyertaan murid dalam bidang TVET juga meningkat daripada **8,864 orang pada 2025 kepada 10,485 orang pada 2026**.

148. Pada tahun 2027, latihan akan diteruskan dalam **11 kluster TVET**, termasuk penerokaan bidang kecerdasan buatan, teknologi dan automasi industri.

149. Jelajah AIM TVET Bersama Cikgu Saarani pula akan diperluas kepada **lima siri dengan sasaran 10,000 murid**.

150. Dalam aspek kebolehpasaran, PASAK telah melaksanakan **123 program sepanjang 2026**, termasuk Jelajah Kerjaya Perak Sejahtera, Temu Duga Bersiri, PERINTIS, Talent Perak, Eksplorasi Kampus, Pemetaan Kerjaya Sekolah, Latihan Bina Insan dan Klinik Kerjaya, yang memberikan manfaat kepada **13,266 anak Perak**.

151. Sehingga September 2026, kerjasama strategik dengan PERKESO Negeri Perak turut membolehkan **9,231 pencari kerja ditempatkan dalam industri**, dengan **nilai janaan pendapatan keseluruhan RM20 juta**.

152. Dalam hubungan sama, usaha **Memperkasa Belia, Kepimpinan Dan Industri Kreatif** juga diteruskan melalui peruntukan bagi tujuan berikut**:**

i) **RM0.4 juta** bagi **Program Pembangunan Belia**;
ii) **RM0.6 juta** bagi **DUN Belia**;
iii) **RM0.35 juta** bagi **Program Jom *Healing* Orang Muda**;
iv) **RM3 juta** kepada ***People of Remarkable Talents* (PORT)**; dan
v) **RM0.5 juta** kepada **Majlis Kebudayaan Negeri Perak** bagi pembangunan bakat kreatif, penggiat seni dan pemeliharaan warisan kebudayaan.

153. Bagi **Membina Kecemerlangan Sukan Dan Budaya Hidup Aktif,** Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berikut:

i) **RM20.72 juta** kepada Majlis Sukan Negeri Perak di bawah Maksud Mengurus;
ii) **RM0.4 juta** bagi **Program Sport Tourism**;
iii) **RM0.6 juta** bagi **Sukan dan Sukan OKU**;
iv) **RM0.14 juta** bagi **sumbangan urus tadbir Persatuan Sukan Negeri dan kepada bekas atlet melalui Majlis Sukan Negeri**; dan
v) **RM0.2 juta** bagi **Projek Pengubahsuaian Bilik Fisioterapi Majlis Sukan Negeri**.

154. Peruntukan ini akan memperkukuh pembangunan atlet, pengurusan persatuan, kemudahan sokongan prestasi serta peluang penyertaan sukan yang lebih inklusif.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

FOKUS 4: KELESTARIAN ALAM SEKITAR

155. Dalam membina kemakmuran negeri, kita turut memikul amanah untuk memelihara khazanah alam yang diwarisi sejak turun-temurun.

156. Hutan yang menghijau, sungai yang mengalir dan kepelbagaian hidupan liar merupakan sumber kehidupan yang mesti terus dilindungi demi kesejahteraan generasi hari ini dan akan datang.

157. Negeri Perak mempunyai kawasan berhutan seluas **1.015 juta hektar atau 48 peratus** daripada keseluruhan keluasan negeri. Daripada jumlah tersebut, **988,723 hektar** merupakan Hutan Simpanan Kekal yang terus diuruskan secara berkekalan, termasuk melalui pensijilan pengurusan hutan dan pelaksanaan program pemuliharaan.

158. Bagi memperkukuh pengurusan dan perlindungan khazanah hutan negeri, Kerajaan Negeri memperuntukkan **RM51.26 juta** bagi Belanja Mengurus **Jabatan Perhutanan Negeri Perak**, meningkat **RM1.57 juta berbanding tahun 2026** manakala **RM10 juta** pula bagi Belanja Pembangunan.

159. Dalam usaha memelihara biodiversiti, Perak turut memperkukuh perlindungan habitat Harimau Malaya melalui inisiatif *Conservation Assured Tiger Standards* (CA|TS) melibatkan **empat kawasan hutan simpan**, iaitu Amanjaya, Gerik, Banding dan Temengor. Pada tahun 2026, pencalonan Kompleks Hutan Temengor dan Hutan Simpan Amanjaya telah diterima oleh *International Big Cat Alliance* (IBCA).

160. Usaha penghijauan juga menunjukkan pencapaian membanggakan apabila sebanyak **11.4 juta pokok berjaya ditanam antara 2021 hingga 2025**, mengatasi sasaran **10 juta pokok**. Penanaman diteruskan dengan **158,021 pokok lagi sehingga September 2026**, di samping usaha memelihara ekosistem bakau Kuala Gula serta rangkaian ekologi *Central Forest Spine*.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

161. Bagi memperkukuh institusi dan program kelestarian alam sekitar, Kerajaan Negeri turut menyediakan:

i) **RM6.7 juta** kepada **Perbadanan Taman Negeri Perak**;
ii) **RM0.2 juta** bagi **Geopark Lenggong**;
iii) **RM0.5 juta** kepada ***World Heritage Office*** **(WHO) Lenggong**;
iv) **RM0.6 juta** bagi **Perak Lestari dan Teknologi Hijau**;
v) **RM0.5 juta** bagi **program-program di bawah Sekretariat Kelestarian Alam Perak**;

vi) **RM0.78 juta** bagi penyelenggaraan **tapak Repositori Mukim Belanja oleh Perbadanan Menteri Besar** (MB Inc.); dan

vii) **RM14.57 juta** bagi pelaksanaan pelbagai program dan projek jabatan serta agensi melalui peruntukan ***Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation*** (EFT).

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

FOKUS 5: KETERJAMINAN BEKALAN MAKANAN

162. Dalam mendepani perubahan iklim dan ketidaktentuan ekonomi dunia, keterjaminan bekalan makanan menjadi tuntutan yang semakin mendesak. Keupayaan sesebuah negeri menghasilkan sumber makanannya sendiri merupakan benteng penting dalam menghadapi krisis, memastikan keperluan rakyat terus terbela, serta memelihara kelangsungan rezeki petani, penternak dan nelayan.

163. Alhamdulillah, sektor pertanian Perak terus menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan apabila **18 daripada 30 komoditi pertanian terpilih** mencatatkan Kadar Sara Diri (SSR) melebihi **100 peratus pada tahun 2025**.

164. Antaranya ubi kayu dengan kadar **560 peratus**, jagung manis **469 peratus**, jambu batu **370 peratus**, ubi keledek **316 peratus** dan bendi **296 peratus**.

165. Kadar sara diri beras turut meningkat daripada **92.2 peratus pada 2024 kepada 112 peratus pada 2025**, manakala buah-buahan daripada **94 peratus kepada 110.5 peratus**.

166. Namun, **peningkatan pengeluaran perlu berjalan seiring dengan peningkatan pendapatan pengusaha pertanian**, agar kemajuan sektor ini turut membawa manfaat kepada mereka yang mengusahakannya.

167. Bagi memperkukuh sektor pertanian dan agromakanan pada tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan:

i) **RM33.19 juta** bagi Belanja Mengurus **Jabatan Pertanian Negeri** Perak, meningkat **RM2.27 juta berbanding tahun 2026**;

ii) **RM8 juta** bagi Belanja Pembangunan Jabatan Pertanian Negeri Perak;

iii) **RM0.45 juta** bagi **Jualan Sejahtera Agro;**

iv) **RM0.25 juta** bagi Program Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan; dan

v) **RM0.5 juta** bagi **Program Pertanian Bandar.**

168. Bagi menjamin bekalan sumber protein tempatan serta memperkukuh daya saing industri ternakan, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM24.3 juta** bagi Belanja Mengurus **Jabatan Perkhidmatan Veterinar** Negeri Perak; dan

ii) **RM2.5 juta** bagi Belanja Pembangunan, merangkumi Pembangunan Industri Ternakan, Latihan dan Promosi, Bangunan dan Infrastruktur serta Pembangunan Ladang Infoternak.

169. Sektor perikanan turut memainkan peranan besar dalam menjamin bekalan makanan serta kelangsungan kehidupan masyarakat nelayan, khususnya di kawasan pesisir dan perairan darat. Bagi tahun 2027, Kerajaan Negeri memperuntukkan:

i) **RM0.29 juta** bagi Belanja Mengurus **Jabatan Perikanan** Negeri Perak;
ii) **RM1.65 juta** bagi **Belanja Pembangunan Jabatan Perikanan** Negeri Perak;
iii) **RM0.2 juta** bagi **Projek Benih Kerang** di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Perak; dan
iv) **RM0.3 juta** bagi **Pusat Komuniti Nelayan** PNK Sungai Tinggi.

170. Tumpuan akan diberikan kepada pembangunan akuakultur dan ekonomi biru, termasuk pengukuhan industri kerang, pemindahan teknologi, peningkatan biosekuriti serta pensijilan myGAP dan *Fish Quality Certification* (FQC).

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

171. Demikianlah **LIMA** fokus utama yang menjadi landasan Belanjawan Negeri Perak 2027, mencerminkan iltizam Kerajaan Negeri untuk terus membina sebuah negeri yang maju, makmur dan sejahtera.

172. Namun, kemajuan negeri belum menghapuskan keresahan rakyat yang masih bergelut dengan tekanan kehidupan. Ada ibu bapa yang terpaksa berkira-kira setiap kali berbelanja, ada anak muda yang baru membina kehidupan tetapi sudah dihimpit pelbagai tanggungan, malah ada keluarga yang dahulunya hidup selesa, kini semakin terasa beban kos sara hidup.

173. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan menghimpunkan pelbagai bantuan dan manfaat langsung kepada rakyat di bawah satu payung yang dinamakan **SENTUHAN PERAK SEJAHTERA**.

174. Sentuhan Perak Sejahtera lahir daripada keprihatinan yang dikongsi bersama. Kerajaan Negeri menggerakkan ikhtiar, syarikat GLC dan sektor swasta menghulurkan dukungan, manakala jabatan serta agensi menyatukan tenaga demi memastikan manfaatnya sampai kepada rakyat.

175. Melalui **LIMA Titik Sentuhan, sebanyak 37 inisiatif** dengan nilai keseluruhan kira-kira **RM260.5 juta** dihimpunkan bagi meringankan beban kehidupan dan memperluas peluang kepada rakyat Perak termasuk anak muda dalam membina kecerahan masa hadapan.

176. Bermula **Januari 2027**, kesemua inisiatif ini akan dipaparkan menerusi portal ***www.peraksejahtera.com***, bagi memudahkan rakyat mengenal pasti bantuan dan manfaat yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Titik Sentuhan Pertama: Meringankan Beban Kos Sara Hidup Rakyat

177. Hampir setiap kajian sosial yang meneliti keresahan rakyat hari ini menemukan satu kebimbangan yang sama, iaitu **peningkatan kos sara hidup**.

178. Angka dan statistik rata-rata menggambarkan tekanan sebenar yang dihadapi keluarga dalam mengurus perbelanjaan harian. Justeru, Kerajaan Negeri terus memberikan keutamaan kepada usaha meringankan beban kos sara hidup, khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah.

179. Bagi maksud ini, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM4 juta** bagi **Program Pasar Sejahtera Rakyat**, yang menjual barangan keperluan asas pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga pasaran. Sehingga September lalu, program ini telah memanfaatkan lebih 28,000 rakyat Perak;

ii) **RM26 juta** bagi **Program Kad Perak Sejahtera**, meningkat RM1.5 juta berbanding tahun sebelumnya, untuk membantu kira-kira 21,000 penerima mendapatkan barangan keperluan harian, sekali gus meringankan keresahan dalam memastikan keperluan keluarga sentiasa mencukupi; dan

iii) **RM6.2 juta** bagi **Program Bantuan Kotak Makanan**, meningkat RM200,000 berbanding tahun sebelumnya, bagi membantu keluarga yang dihimpit kesempitan hidup agar keperluan makanan di rumah tidak terabai, terutama ketika berdepan saat-saat yang sukar.

180. Saya sedar, ramai rakyat di luar sana yang mengharapkan pengangkutan bas untuk keluar mencari rezeki. Begitu juga untuk mendapatkan rawatan di hospital, serta anak-anak yang menaiki bas untuk ke sekolah.

181. Memahami keperluan ini, sebanyak **RM4.4 juta** diperuntukkan bagi **Program Bas Perak Sejahtera**, meningkat **RM780,000** berbanding tahun sebelumnya.

182. Perkhidmatan ini akan diperluas ke **Hulu Perak** dengan penambahan **TIGA laluan baharu**, menjadikan keseluruhannya **16 laluan berbanding 13 laluan** ketika ini. Jumlah penumpang bulanan disasarkan meningkat daripada **12,900 kepada 17,900 orang**.

183. Bagi meringankan beban bil utiliti rakyat, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Air Perak (LAP) menyediakan sebanyak **RM41.13 juta** bagi meneruskan pemberian rebat dan subsidi air pada tahun 2027.

184. Daripada jumlah tersebut:

i) **RM38 juta** diperuntukkan bagi pemberian **rebat RM4 sebulan kepada semua pengguna akaun domestik LAP**;

ii) **RM3 juta** disediakan bagi meneruskan **subsidi air percuma sebanyak 25 meter padu sebulan** kepada golongan miskin dan termiskin yang layak; dan

iii) **RM130,000** turut disediakan bagi meneruskan subsidi air kepada rumah ibadat berdaftar di Perak, melibatkan penggunaan sehingga 20 meter padu sebulan.

185. Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama dengan **Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)** untuk mengadakan **jualan ikan murah di lokasi-lokasi terpilih di seluruh negeri**, bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan ikan pada harga yang lebih berpatutan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Titik Sentuhan Kedua: Melindungi Keluarga, Membela Yang Memerlukan

186. Dalam kehidupan, ada keluarga yang diuji dengan kesempitan hidup, ada yang masih menumpang teduh di rumah yang serba kekurangan, dan ada pula yang kehilangan insan tersayang. Pada saat-saat beginilah bantuan dan perhatian amat diperlukan.

187. Justeru, bagi titik sentuhan kedua, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM47.7 juta** bagi pelbagai bantuan kebajikan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), **meningkat RM400,000** berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, **RM37 juta** diperuntukkan khusus bagi **Bantuan Am Negeri** untuk membantu golongan yang memerlukan;

ii) **RM3 juta** bagi **Program Sayangi Rumahku** melalui Yayasan Perak, untuk membina dan membaik pulih kediaman keluarga yang kurang berkemampuan;

iii) **RM2.5 juta** bagi penyelenggaraan **Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Rancangan Perumahan Awam (RPA)**, bagi membaiki kediaman yang daif, demi memastikan penghuni berasa selesa dan selamat;

iv) **RM3 juta** disediakan bagi **Program Pinjaman Perakku Prihatin**, untuk membantu rakyat yang layak mendapatkan pembiayaan perumahan;

v) Bagi membantu pasangan muda membuat persediaan membina rumah tangga, Kerajaan Negeri julung kali memperkenalkan **Kursus Pra Perkahwinan Islam Percuma – Menuju Cinta Sakinah**, dengan peruntukan sebanyak **RM300,000** melalui JAIPk. Inisiatif ini akan memberi manfaat kepada **3,000 bakal pengantin rakyat Perak** yang memenuhi syarat, sebagai bekalan ilmu dan persediaan melangkah ke alam perkahwinan; dan

vi) **RM4 juta** pula diperuntukkan bagi meneruskan **Program Tabarru' Khairat Kematian**, sebagai bantuan kepada keluarga yang kehilangan insan tersayang.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Titik Sentuhan Ketiga: Membuka Jalan Pendidikan Anak Perak

188. Setiap ibu bapa mengimpikan pendidikan yang terbaik buat anak-anak mereka. Namun, tidak semua ada kemampuan untuk mengisi impian itu. Ada keluarga yang terpaksa berkira-kira menyediakan kelengkapan persekolahan, malah ada anak muda yang perlu berjimat sehingga mengikat perut demi meneruskan pengajian.

189. Saya percaya, anak-anak kita harus diberikan peluang untuk menuntut ilmu dan mengejar cita-cita, tanpa perlu menahan lapar atau dibelenggu resah untuk mengisi perut setiap hari.

190. Atas kesedaran inilah, Kerajaan Negeri akan meneruskan **TIGA inisiatif bantuan makanan** dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **RM7.21 juta**, merangkumi:

i) **RM1.1 juta** bagi bantuan yuran makanan tambahan serta pelajar miskin di **Sekolah Menengah Agama Negeri**;

ii) **RM2.2 juta** bagi **Program Mahasiswa Perak Sejahtera 2030**, yang menyediakan bantuan makanan sebanyak **RM200 sebulan** kepada mahasiswa daripada keluarga berpendapatan rendah di lima kampus universiti yang terletak di Perak; dan

iii) **RM3.91 juta** bagi **Program Bantuan Makanan Percuma** di bawah inisiatif **Tuisyen Cikgu Saarani (TCS)**, untuk menyediakan makanan kepada calon peperiksaan utama. Program murni ini dijayakan oleh lima GLC negeri iaitu SADC, LAP, MB Inc., SSI dan PKNPk.

191. Kerajaan Negeri melalui kerjasama syarikat susu, **Farm Fresh Berhad** akan melaksanakan program ***'Perak Fresh'*** iaitu **inisiatif pemberian susu percuma** melibatkan **177 prasekolah terpilih** terutamanya di kawasan luar bandar.

192. Bagi membantu anak-anak Perak sepanjang persekolahan, Kerajaan Negeri turut menyediakan:

i) **RM2.2 juta** bagi ***Program Back To School*** yang akan dijenamakan semula sebagai **Perak *EduCare*** mulai tahun hadapan;
ii) **RM1 juta** bagi **Tabung Simpanan Pendidikan Anak Perak (TASPEN)**;
iii) **RM1 juta** bagi **Biasiswa Menteri Besar Perak**, yang disasarkan memanfaatkan 900 murid;
iv) **RM750,000** bagi **Bantuan Baucar Buku**;
v) **RM240,000** bagi **Bantuan Pelajar Miskin dan Dermasiswa SMTDR**; dan
vi) **RM120,000** bagi **Program Teduhan Kasih Anak-anak Perak**.

193. Bagi menyantuni anak-anak Perak yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi pula, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM6.5 juta** bagi **Insentif Siswa Dalam Negara**;
ii) **RM400,000** bagi **Insentif Siswa Luar Negara**;
iii) **RM4.2 juta** bagi **Bantuan Sara Diri dan Kecemasan Mahasiswa**, meningkat RM200,000 berbanding tahun sebelumnya; dan
iv) **RM5 juta** bagi **Pinjaman Pendidikan Tinggi Negeri Perak**, yang terbuka kepada semua anak Perak yang memenuhi syarat kelayakan, dengan keutamaan diberikan kepada mereka daripada keluarga B40.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Titik Sentuhan Keempat: Memperkasa Usahawan, Menambah Pendapatan

194. Di seluruh Perak, ramai rakyat gigih mencari rezeki melalui perniagaan kecil. Ada yang berniaga di pasar pagi, membuka gerai makanan atau mengusahakan produk dari rumah. Mereka mempunyai kemahuan untuk maju, tetapi masih memerlukan peluang, bimbingan dan sokongan kewangan.

195. Justeru, melalui titik sentuhan keempat, Kerajaan Negeri menyediakan:

i) **RM4.29 juta** kepada **Sekretariat Usahawan Perak (STeP)** bagi melaksanakan pelbagai program pembangunan usahawan, termasuk **Geran Usahawan Perak Sejahtera (GeRAK dan GeRAK+)**, yang menawarkan bantuan perniagaan kepada usahawan yang layak, di samping latihan, bimbingan serta peluasan pasaran;

ii) **RM1.1 juta** bagi **Program Pembangunan Usahawan dan Koperasi** untuk meningkatkan keupayaan serta daya saing perniagaan; dan

iii) **RM2 juta** melalui **Program Bantuan Pinjaman Tabung Usahawan** yang diuruskan Yayasan Perak, sebagai dana pinjaman pusingan bagi membantu usahawan mendapatkan pembiayaan perniagaan.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Titik Sentuhan Kelima: Menghargai Jasa Dan Pengorbanan

196. Saya sedar, setiap kejayaan kerajaan turut menuntut penat lelah yang jarang diselami, pengorbanan yang tidak selalu diketahui, dan kesetiaan kepada amanah yang wajar kita hargai.

197. Jasa mereka mungkin berbeza, namun semuanya mempunyai nilai yang besar kepada Perak.

198. Para guru Tadika Islam telah sekian lama memikul amanah menyemai asas pendidikan dan akhlak anak-anak. Mereka mendidik anak-anak mengenal huruf, mengenal Tuhan dan mengenal erti kehidupan – biarpun dengan imbuhan yang serba sederhana. Sudah sewajarnya pengabdian mereka diberikan penghargaan yang lebih bermakna.

199. Justeru, sukacita saya mengumumkan bahawa mulai **Januari 2027, elaun bulanan Guru Tadika Islam dinaikkan sebanyak RM200, daripada RM1,200 kepada RM1,400**, manakala **elaun Penyelia Tadika Islam dinaikkan RM100, daripada RM1,500 kepada RM1,600**.

200. Kenaikan ini akan memanfaatkan **168 guru dan 12 penyelia**, dengan peruntukan keseluruhan elaun sebanyak **RM3.05 juta**.

201. Kerajaan Negeri turut menghargai khidmat para petugas agama yang selama ini memainkan peranan penting dalam mengimarahkan masjid dan membimbing masyarakat. Sehubungan itu, sebanyak **RM10.08 juta** disediakan bagi meneruskan pembayaran **elaun kepada imam, bilal dan siak** di seluruh negeri.

202. Sebagai tanda penghargaan atas khidmat dan jasa yang dicurahkan, Kerajaan Negeri juga memperkenalkan inisiatif baharu **Anugerah Mengerjakan Haji** kepada **imam, bilal, siak serta Penolong Pendaftar Nikah, Cerai dan Rujuk** yang memenuhi syarat kelayakan, dengan peruntukan sebanyak **RM474,600**.

203. Pada masa yang sama, sebanyak **RM3 juta** disediakan bagi meneruskan **Program Sumbangan Para Jemaah Haji**, melibatkan bantuan **RM1,000 seorang** kepada 3,000 jemaah yang bakal menunaikan ibadah haji tahun hadapan.

204. Titik Sentuhan kelima ini turut merangkul sumbangan para wira dan wirawati sukan negeri. Bagi meraikan kejayaan atlet Perak yang mengharumkan nama negeri pada SUKMA Selangor 2026, Kerajaan Negeri menyediakan **RM1.39 juta** bagi pembayaran insentif khas kepada para atlet yang berjaya meraih pingat.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

205. Segala pencapaian yang kita banggakan hari ini turut terhasil daripada kesungguhan mereka yang bekerja di belakang tabir pentadbiran. Ada yang memastikan urusan rakyat diselesaikan, ada yang turun ke lapangan menyantuni masyarakat, dan ada yang terus memikul amanah walaupun berhadapan pelbagai cabaran.

206. Maka, sebagai tanda penghargaan terhadap segala jasa dan sumbangan yang dicurahkan, sukacita saya mengumumkan pemberian **Bantuan Khas Kewangan (BKK) pada kadar DUA (2) bulan gaji** melibatkan semua penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk Yang Berhormat Ahli-ahli Ex Officio, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, semua guru lantikan Negeri yang dilantik melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Negeri Perak, Orang Besar Jajahan, Pegawai Lantikan *Contract For Service* serta kakitangan di bawah Kontrak MySTEP.

207. Kerajaan Negeri turut berbesar hati **memanjangkan pemberian BKK ini pada kadar RM600** bagi Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Tradisional, Kampung Baru Cina dan India serta Tok Batin Kampung Orang Asli.

208. BKK ini juga turut dipanjangkan kepada **Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT), Guru-guru KAFA, Guru l'dadi dan Thanawi, Guru dan Penyelia Tadika Islam, Guru Aiman** dan **Guru Agama Dakwah** yang ditadbir urus oleh JAIPk pada kadar RM400.

209. Bayaran penuh BKK akan dibuat pada 22 Disember 2026.

210. Kerajaan Negeri turut memanjangkan BKK kepada **Yang di-Pertua Dewan Negeri** serta **semua Pusat Khidmat DUN** pada kadar dua bulan elaun, iaitu berjumlah RM20,000 (RM10,000 x dua) yang akan dibayar pada Januari 2027.

211. Mengakhiri ucapan, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pegawai dan kakitangan Pejabat Kewangan Negeri Perak serta semua pihak khususnya jabatan serta agensi yang terlibat dalam proses merangka dan menjayakan pengisian Belanjawan Negeri Perak 2027.

212. Semoga Allah SWT mempermudahkan urusan kita dalam memikul tanggungjawab dan amanah ini.

Yang Berhormat Dato' Seri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.